

14. PERBELANJAAN MENGGUNAKAN AGIHAN WANG ZAKAT

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Jabatan Perdana Menteri

1. LATAR BELAKANG

1.1. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah ditubuhkan pada 1 Februari 1974 dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penubuhan MAIWP dinyatakan melalui peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505). Fungsi utama MAIWP antaranya mengurus kutipan dan agihan zakat dengan menyelaraskan dan melaksanakan tugas dalam membuat kutipan zakat di Wilayah Persekutuan, melaksanakan agihan zakat kepada Asnaf yang layak mengikut hukum syarak serta menggubal kaedah-kaedah Baitulmal dalam melaksanakan agihan zakat. Kutipan zakat diuruskan oleh Pusat Pungutan Zakat - MAIWP, manakala pengagihan bantuan zakat dilaksanakan oleh Bahagian Baitulmal, MAIWP (Baitulmal).

1.2. Pengagihan bantuan zakat diberi kepada lapan (8) golongan Asnaf yang layak dan memenuhi syarat umum dan khusus. Secara puratanya, setiap Asnaf layak mendapat 1/8 atau 12.5% zakat berbanding jumlah kutipan zakat tahunan. Pada tahun 2019, agihan zakat ialah sebanyak 80.5% berbanding jumlah kutipan zakat pada tahun tersebut. Perbandingan jumlah kutipan dan perbelanjaan agihan zakat oleh MAIWP pada tahun 2019 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 14.1**.

JADUAL 14.1
JUMLAH KUTIPAN DAN
PENGAGIHAN ZAKAT MAIWP

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
Kutipan	688.41	657.43
Perbelanjaan	554.17	505.68
% Agihan	80.5%	76.9%

Sumber: Penyata Kewangan MAIWP Tahun 2019

1.3. Pendapat daripada mazhab Syafie menyatakan empat (4) golongan Asnaf yang perlu diberi keutamaan dalam pengagihan zakat ialah Asnaf Fakir, Miskin, Amil dan Muallaf. Empat (4) golongan Asnaf yang dikemudiankan dalam pengagihan zakat ialah Ibnu Sabil, Al-Gharimin, Al-Riqab dan Fisabilillah. Pada tahun 2019, Asnaf Fisabilillah mencatatkan penerima agihan zakat paling tinggi berbanding tujuh (7) Asnaf yang lain, iaitu berjumlah RM179.60 juta (32.4%) berbanding jumlah keseluruhan agihan. Agihan

zakat pada tahun 2019 dan 2018 mengikut golongan Asnaf adalah seperti dalam **Jadual 14.2**.

JADUAL 14.2
AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF PADA TAHUN 2019 DAN 2018

BIL.	ASNAF	2019		2018	
		RM Juta	%	RM Juta	%
1.	Fakir	103.01	18.6	80.42	15.9
2.	Miskin	124.88	22.5	104.09	20.6
3.	Amil	108.82	19.6	113.58	22.4
4.	Muallaf	15.53	2.8	9.01	1.8
5.	Ibnu Sabil	0.69	0.2	0.43	0.1
6.	Al-Gharimin	9.65	1.7	11.26	2.2
7.	Al-Riqab	11.99	2.2	10.06	2.0
8.	Fisabilillah	179.60	32.4	176.83	35.0
JUMLAH		554.17	100.0	505.68	100.0

Sumber: Minit Mesyuarat Perundingan Hukum Syarak Tahun 2019 dan 2018 serta Penyata Kewangan MAIWP Tahun 2019 dan 2018

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menentukan sama ada perbelanjaan yang dibuat menggunakan agihan wang zakat telah mematuhi garis panduan yang disediakan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta mengikut tujuan yang diluluskan.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ditumpukan kepada pembayaran bawah Kumpulan Wang Zakat yang meliputi rekod transaksi bulan Januari hingga Disember 2019 serta tahun sebelumnya, jika berkaitan.

3.2. Semakan telah dibuat terhadap 170 baucar bayaran yang menggunakan wang zakat berjumlah RM206.92 juta.

3.3. Pengauditan dijalankan berpandukan prosedur operasi standard (SOP) yang disediakan, peraturan kewangan yang diguna pakai, minit mesyuarat, perjanjian pinjaman dan perkhidmatan serta rekod dan dokumen yang berkaitan dengan permohonan dan kelulusan bantuan. Selain itu, pihak Audit juga telah menjalankan lawatan fizikal di lokasi/jabatan yang menerima bantuan zakat daripada MAIWP untuk menentukan sama ada bantuan zakat digunakan bagi maksud ianya diagihkan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan September 2019 hingga Ogos 2020. Maklum balas MAIWP telah diterima pada 24 September 2020. Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) telah diadakan pada 28 Julai dan 7 Oktober 2020. Penemuan Audit adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 4.1 hingga 4.4.

4.1. Agihan Wang Zakat Bagi Asnaf Fisabilillah Pada Tahun 2019 Berjumlah RM14.73 Juta Tidak Digunakan Bagi Maksud Yang Sepatutnya

4.1.1. SOP bagi Skim Bantuan Agensi-Agensi Kebajikan Dan Institusi Pendidikan (Skim Bantuan) menetapkan syarat-syarat khusus pemohon bantuan bagi agensi kebajikan yang perlu dipatuhi. SOP Skim Bantuan telah menetapkan aktiviti/program yang boleh dipertimbangkan bagi permohonan bantuan iaitu hendaklah melibatkan aktiviti dakwah/kebajikan dan program-program yang tidak menyalahi hukum syarak seperti berikut:

- a. Program/aktiviti melibatkan ceramah agama, pendidikan Islam, pembentukan sahsiah dan motivasi;
- b. Sambutan hari kebesaran Islam;
- c. Program/aktiviti yang tidak melanggar syariah Islam selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- d. Pembelian peralatan asas masjid, surau atau sekolah seperti karpet, siaraya, komputer, kipas dan seumpamanya;
- e. Kos yang boleh dibantu melibatkan bayaran saguhati penceramah, makanan dan minuman, kelengkapan kursus dan seumpamanya; dan
- f. Permohonan hendaklah dikemukakan sebelum pelaksanaan sesuatu program/aktiviti.

4.1.2. Takrifan Asnaf Fisabilillah yang ditetapkan dalam Skim Pengurusan Bantuan Zakat Bahagian Baitulmal MAIWP pula adalah mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.

4.1.3. Semakan Audit mendapati sejumlah **RM14.73 juta bayaran agihan wang zakat bawah Asnaf Fisabilillah pada tahun 2017, 2018 dan 2019 telah disalurkan kepada agensi kebajikan. Bagaimanapun, jumlah tersebut tidak digunakan bagi perbelanjaan mengikut maksud Asnaf Fisabilillah yang sepatutnya.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14.3.**

JADUAL 14.3
WANG ZAKAT TIDAK DIGUNAKAN BAGI MAKSUD ASNAF FISABILILLAH YANG SEPATUTNYA

BIL.	JENIS/TUJUAN PERBELANJAAN	PENERIMA	TAHUN BAYARAN	JUMLAH (RM)	CATATAN
1.	Kerja-kerja Pembinaan Surau 1 Tingkat Di Presint 8E, Wilayah Persekutuan (W.P.) Putrajaya	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)	2018	6,518,000	- Tiada kertas kerja terperinci disediakan oleh JAWI bagi menyokong permohonan peruntukan perbelanjaan pembangunan tersebut sebelum kelulusan dan bayaran diperoleh. Kerja pembangunan belum dilaksanakan sehingga bulan Disember 2019.
2.	Kerja-kerja Baik Pulih Dan Naik taraf Surau Bunga Raya, Setapak, W.P. Kuala Lumpur			850,000	
3.	Membesarkan Kawasan Dewan Solat Lelaki Dan Wanita Di Surau Ittihadiah, Bandar Tun Razak, W.P. Kuala Lumpur			370,000	
4.	Projek Pengindahan Dan Menaiktaraf Landskap Bagi Tanah Perkuburan Kampung Melayu Kepong Di W.P. Kuala Lumpur	JAWI	2017 - 2018	873,955	- Kos asal projek sejumlah RM6.80 juta dibiayai oleh badan kebajikan luar. Terdapat pertambahan kos sejumlah RM1.33 juta telah dibiayai menggunakan peruntukan zakat daripada MAIWP.
			2019	454,299	
5.	Projek Pengindahan Dan Menaiktaraf Landskap Bagi Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Sakinah Bukit Kiara 2 Di W.P. Kuala Lumpur	JAWI	2017 - 2018	3,381,289	- Kos asal projek sejumlah RM7.31 juta dibiayai oleh badan kebajikan luar. Terdapat pertambahan kos sejumlah RM3.51 juta telah dibiayai menggunakan peruntukan zakat daripada MAIWP.
			2019	131,238	
6.	i. Bantuan Sumbangan Wang Tunai Aidilfitri Tahun 2019 Kepada Warga JAWI	JAWI	2019	259,400	- Merupakan perbelanjaan mengurus JAWI yang sepatutnya dibiayai melalui peruntukan mengurus tahunan JAWI. - Peruntukan disalurkan oleh MAIWP pada setiap tahun berdasarkan permohonan cadangan belanjawan yang dikemukakan oleh JAWI. Sejumlah RM64 juta telah dibayar kepada JAWI sebagai peruntukan pada tahun 2019 menggunakan wang zakat di bawah Asnaf Fisabilillah tanpa perincian butiran perbelanjaan.
	ii. Pembelian Pakaian Seragam Untuk Pegawai Penguatkuasa Agama JAWI			129,997	
	iii. Anugerah Kecemerlangan Warga JAWI Tahun 2018			56,000	
	iv. Pelancaran Dan Pemantauan Standard Penarafan Bintang Masjid-Masjid (SPMM) Wilayah Persekutuan			51,664	
	v. Kursus Pengukuhan Sahsiah (Retreat) Imam-Imam Dan Pegawai Bahagian Pengurusan Masjid			39,700	
	vi. Jejak Pesara JAWI			1,250	
7.	Pembinaan Surau Al-Furqan Di Kompleks Nasyrul Quran, Presint 14, W.P. Putrajaya	Kompleks Nasyrul Quran	2018	1,000,000	Kerja pembangunan belum dilaksanakan sehingga bulan Disember 2019.

BIL.	JENIS/TUJUAN PERBELANJAAN	PENERIMA	TAHUN BAYARAN	JUMLAH (RM)	CATATAN
8.	Pembelian Beg Beroda Jemaah Haji Tahun 2019	Lembaga Tabung Haji	2019	602,173	• Lebihan dana berjumlah RM129,500 tidak dibelanjakan oleh Lembaga Tabung Haji. • Terdapat lebih 10,165 beg beroda bernilai RM472,673 yang tidak diagihkan telah dilupuskan melalui aktiviti pemasaran pejabat cawangan Lembaga Tabung Haji.
9.	Sumbangan Bagi Majlis <i>Hi-Tea</i> Yang Tidak Melibatkan Golongan Asnaf	Agensi Kebajikan Luar	2019	10,000	• Tidak melibatkan golongan Asnaf. • Tujuan majlis adalah untuk meraikan wanita Muslim Malaysia berpengaruh dalam bidang kewangan yang tidak dapat hadir ke majlis penghargaan yang telah diadakan pada bulan Jun 2019 di Dubai.
JUMLAH				14,728,965	

Sumber: Baucar Bayaran MAIWP dan JAWI serta Dokumen Perolehan Beg Beroda Lembaga Tabung Haji

4.1.4. Perkara ini berlaku disebabkan **pentakrifan Asnaf Fisabilillah yang terlalu umum dan tidak diperincikan mengikut jenis perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan wang zakat**. Selain itu, **tiada fatwa khusus ditetapkan bagi jenis perbelanjaan dan syarat projek pembangunan yang harus dibuat menggunakan wang zakat**.

4.1.5. MAIWP juga tidak menguatkuasakan kepentingan agensi untuk mengemukakan Laporan Pelaksanaan/Perbelanjaan Program/Aktiviti sebagai elemen pemantauan oleh MAIWP bagi memastikan agensi telah melaksanakan projek/program mengikut tujuan yang diluluskan.

4.1.6. Kegagalan melaksanakan pemantauan terhadap bantuan zakat yang telah diberikan menyebabkan sejumlah RM14.73 juta dibelanjakan di bawah perbelanjaan Asnaf Fisabilillah yang boleh dipersoalkan dari segi memenuhi takrifan sebenar Asnaf ini. Keutamaan sepatutnya diberikan kepada golongan Asnaf dan program yang lebih diperlukan.

Maklum balas MAIWP yang diterima pada 24 September 2020

Bahagian Baitulmal MAIWP akan mencadangkan kepada pihak JAWI supaya memohon peruntukan JPM bagi perbelanjaan di luar skop bantuan Baitulmal MAIWP sepertimana saranan pihak Audit. Satu mesyuarat penyelarasan bersama JAWI dan JPM telah diadakan pada 23 September 2020 bagi mencapai satu keputusan yang akan memberi manfaat kepada semua pihak. Baitulmal juga ambil perhatian di atas teguran Audit

untuk lebih berhati-hati pada masa akan datang dan akan meneliti kelulusan bantuan berdasarkan keperluan sebenar agensi.

Pernyataan Audit	Perbelanjaan berjumlah RM14.73 juta tidak digunakan mengikut maksud Asnaf Fisabilillah yang sepatutnya dan yang lebih memerlukan mengikut keutamaan.
-----------------------------	---

4.2. Projek Pembangunan Yang Telah Dibuat Bayaran Perkhidmatan Perunding Sejumlah RM4.72 Juta Pada Tahun 2013 Hingga 2017 Menggunakan Wang Zakat Telah Ditangguhkan Sehingga Tahun 2020

4.2.1. Para 224(4) Manual Prosedur Kewangan MAIWP menetapkan syarat-syarat am dalam melaksanakan projek secara reka dan bina menghendaki MAIWP memastikan tapak tersebut adalah bebas daripada sebarang halangan.

4.2.2. Mesyuarat MAIWP Kali ke-126 Bil. 4/2013 pada 17 Disember 2013 telah meluluskan peruntukan melalui Kumpulan Wang Zakat bagi satu (1) projek pembangunan Kompleks Dewan Serbaguna, Mukim Batu di atas sebahagian Lot 6152 & 6153, Mukim Batu, Kuala Lumpur dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM84 juta. Manakala, nilai kontrak bagi kos perkhidmatan perunding yang diluluskan adalah berjumlah RM7.03 juta. Bagaimanapun, **mesyuarat MAIWP Kali Ke-135 Bil. 1/2016 bertarikh 29 Mac 2016 telah meluluskan untuk penangguhan projek tersebut yang berkuat kuasa mulai tahun 2016.** Perkara ini disebabkan terdapat tuntutan kaveat oleh pihak ketiga.

4.2.3. Semakan lanjut Audit mendapati Pejabat Tanah dan Galian (PTG) telah mengemukakan kepada MAIWP surat makluman mengenai tuntutan kaveat oleh pihak ketiga terhadap tanah projek pembangunan tersebut bertarikh 20 November 2015. Impak tuntutan kaveat turut dinyatakan dalam surat tersebut dan PTG berpandangan adalah tidak wajar untuk pihak MAIWP meneruskan pembangunan disebabkan bayaran pampasan yang terlalu tinggi yang akan dituntut oleh pihak ketiga tersebut. Bagaimanapun, semakan terhadap dokumen pembayaran bagi kos perkhidmatan perunding projek tersebut mendapati bayaran yang dibuat pada tahun 2016 berjumlah RM583,141 dan tahun 2017 berjumlah RM410,555. **Setakat 31 Disember 2019, sejumlah RM4.72 juta bayaran perkhidmatan perunding menggunakan peruntukan wang zakat telah dibuat kepada pihak perunding bagi projek tersebut.** Maklumat lanjut bayaran adalah seperti dalam **Jadual 14.4.**

JADUAL 14.4
BAYARAN PERKHIDMATAN PERUNDING BAGI PROJEK PEMBANGUNAN
KOMPLEKS DEWAN SERBAGUNA, MUKIM BATU, KUALA LUMPUR

BIL.	JENIS BAYARAN	NILAI KONTRAK PERUNDING (RM)	TAHUN BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Perunding Jurutera	1,541,290	2013	137,593
			2014	870,235
			2016	59,209
2.	Perunding Arkitek	3,350,460	2013	350,020
			2014	1,234,187
			2015	447,258
			2016	82,852
			2017	410,555
3.	Perunding Juruukur Bahan	935,592	2013	43,590
			2014	57,272
			2016	148,101
4.	Perunding Jurutera <i>Mechanical and Electrical</i>	1,079,275	2013	107,673
			2014	349,940
			2016	291,407
5.	Pihak Berkuasa Tempatan - Sumbangan <i>Improvement Service Fund</i> (Perparitan) - Sumbangan <i>Improvement Service Fund</i> (Jalan)	129,330	2014	88,410
	Pihak Berkuasa Tempatan - Yuran Kerja Tanah - Bayaran Proses Pelan Bangunan		2015	40,920
6.	Pihak Berkuasa Tempatan	1,572	2016	1,572
JUMLAH		7,037,519		4,720,794

Sumber: Baucar Bayaran MAIWP

4.2.4. Perkara ini berlaku disebabkan MAIWP tidak membuat perancangan awal untuk mendapatkan pengesahan mengenai status penggunaan tanah tersebut sebelum pelantikan perunding dibuat. Pelantikan perunding tersebut telah dibuat pada tahun 2012 dan kerja-kerja telah dilaksanakan pada tahun 2013, iaitu sebelum keputusan status kaveat tanah tersebut disahkan oleh PTG pada tahun 2015.

4.2.5. Kos perkhidmatan perunding yang telah dibuat bayaran sejumlah RM4.72 juta menggunakan wang zakat ke atas tanah yang kemudiannya diketahui wujud halangan dan isu tuntutan kaveat merupakan satu pembaziran.

Maklum balas MAIWP yang diterima pada 24 September 2020

MAIWP memaklumkan pembayaran RM4.72 juta melibatkan bayaran yuran perunding kepada semua perunding Arkitek, *Civil and Structural, Mechanical and Electrical* dan

Quantity Surveyor serta pembayaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan. MAIWP memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalam MAIWP kali ke-77 Bilangan 2 Tahun 2020 telah menyarankan agar MAIWP menyediakan kertas cadangan bagi menentukan kewajaran sebarang penangguhan lanjut atau pembatalan bagi projek tersebut. Ada kewajaran dicadangkan untuk permohonan pembatalan pada projek tersebut dan akan diangkat untuk perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Dan Pelaburan yang akan diadakan pada 1 Oktober 2020 dan seterusnya untuk kelulusan Mesyuarat MAIWP yang akan diadakan pada 11 dan 12 Oktober 2020.

Pernyataan Audit | **Kegagalan menentukan keadaan sebenar tapak projek pembangunan telah menyebabkan pembaziran wang zakat sejumlah RM4.72 juta sekiranya projek tersebut dibatalkan atau tidak dapat diteruskan.**

4.3. Bayaran Balik Pinjaman Yang Diberi Menggunakan Wang Zakat Sejumlah RM1.40 Juta Kepada Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. Tertunggak Sejumlah RM1.21 Juta

4.3.1. Para 5.83 Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998, Garis Panduan mengenai Peranan dan Tanggungjawab, Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan menetapkan peraturan mengenai pinjaman yang diberi oleh Badan Berkanun Persekutuan. Antara peraturan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- a. Memastikan pinjaman yang diluluskan hendaklah mempunyai perjanjian pinjaman dan dokumen lain yang berkaitan serta diurus mengikut peraturan yang berkaitan.
- b. Usaha untuk mendapatkan bayaran balik pinjaman hendaklah dilakukan tepat pada waktunya.
- c. Pinjaman kepada anak syarikat dan syarikat bersekutu perlu dikaji dengan teliti.

4.3.2. MAIWP telah memberikan pinjaman kepada syarikat subsidiari Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. (PWMSB). Jumlah pinjaman yang diberikan kepada syarikat tersebut melalui wang zakat adalah berjumlah RM1 juta pada tahun 2017 dan pendahuluan tambahan sejumlah RM400,000 pada tahun 2018.

4.3.3. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- i. **Bayaran balik oleh PWMSB bagi pinjaman pertama (RM1 juta) telah tertunggak selama 20 bulan yang berjumlah RM370,000,**

iaitu tunggakan dari bulan Mei 2018 hingga Disember 2019. Tiada dokumen dikemukakan kepada pihak Audit mengenai tindakan yang diambil untuk menuntut tunggakan bayaran balik tersebut; dan

- ii. **Tiada sebarang bayaran balik dibuat oleh PWMSB bagi pendahuluan sejumlah RM400,000 setakat 31 Disember 2019 dan tiada jadual bayaran balik disediakan oleh MAIWP terhadap pendahuluan tersebut.** Perjanjian bagi pemberian pendahuluan tersebut juga tidak disediakan. MAIWP juga telah menghantar tiga (3) kali surat peringatan kepada PWMSB pada 9 Januari 2019, 17 Mac 2020 dan 29 Jun 2020 bagi membuat tuntutan bayaran balik wang pendahuluan. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 14.5**.

JADUAL 14.5
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN OLEH PUSAT WAKAF MAIWP SDN. BHD.

BIL.	JENIS PINJAMAN	JUMLAH (RM Juta)	TARIKH MULA ANSURAN BAYARAN BALIK	JUMLAH BAYARAN BALIK TERKUMPUL YANG SEPATUTNYA SETAKAT 31.12.2019 (RM)	JUMLAH BAYARAN BALIK SEBENAR SETAKAT 31.12.2019 (RM)	JUMLAH TUNGGAKAN SETAKAT 31.12.2019 (RM)	BAKI PINJAMAN* (RM)	TEMPOH TUNGGAKAN (BULAN)
1.	Pinjaman Operasi	1,000,000	Februari 2017	647,500	277,500	370,000	807,953	20
2.	Pendahuluan	400,000	Tidak ditetapkan	400,000	-	400,000	400,000	14
JUMLAH		1,400,000		1,047,500	277,500	770,000	1,207,953	

Sumber: Daftar Pinjaman, Lejar Am dan Perjanjian Pinjaman

Nota : *Baki pinjaman termasuk caj perkhidmatan bagi tempoh tunggakan dari bulan Mei 2018 sehingga Disember 2019

4.3.4. Perkara ini berlaku disebabkan PWMSB sedang dalam tindakan penstrukturan operasi syarikat berikutan tanggungan kerugian yang dihadapi oleh syarikat setiap tahun. PWMSB masih belum dapat membayar balik wang pendahuluan dan pinjaman tersebut kepada MAIWP sehingga cadangan tambahan modal syarikat diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah PWMSB dan MAIWP.

Maklum balas MAIWP yang diterima pada 24 September 2020

MAIWP memaklumkan bahawa setakat ini tindakan di peringkat MAIWP ialah mengeluarkan surat peringatan bagi bayaran balik pendahuluan berjumlah RM400,000 dan juga tunggakan bagi bayaran balik pinjaman berjumlah RM1 juta. Beberapa surat peringatan kepada pihak PWMSB juga telah dikeluarkan.

Seterusnya penyediaan jadual bayaran balik pendahuluan RM400,000 akan disediakan dan akan dibawa ke Mesyuarat MAIWP pada Disember 2020 untuk kelulusan. Bagi memastikan kawalan dalaman untuk pemantauan bayaran balik pinjaman dapat dijalankan, MAIWP akan membuat surat amaran berperingkat kepada syarikat selari dengan kehendak undang-undang.

Pernyataan Audit | **Tunggakan baki hutang sejumlah RM1.21 juta oleh PWMSB menyebabkan jumlah agihan zakat kepada Asnaf yang lebih memerlukan berkurangan. Selain itu, jumlah wang zakat tersebut juga tidak dapat dimanfaatkan sebaiknya untuk tujuan lain yang lebih penting.**

4.4. Pembelian Inventori Pakaian Seragam Dan Pakaian Sukan Tadika Islam MAIWP Berjumlah RM2.39 Juta Pada Tahun 2013 Hingga 2015 Melebihi Keperluan

4.4.1. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2 menyatakan sesuatu prinsip perolehan yang akan dipelawa hendaklah mengambil kira prinsip-prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberikan nilai faedah terbaik dan saingan terbuka serta adil dan saksama. Ini bagi memastikan tidak berlaku pembaziran, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa serta memberi nilai pulangan yang terbaik. PK 2/2013 perenggan 1(i)(b) menggariskan bahawa perancangan perolehan perlu dibuat bagi mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan sesuatu perolehan.

4.4.2. Semakan Audit mendapati MAIWP telah melaksanakan perolehan pakaian seragam dan pakaian sukan bagi tadika Islam MAIWP pada tahun 2013 sehingga tahun 2015 melalui tiga (3) proses perolehan secara tender berasingan. Bayaran bagi perolehan tersebut yang berjumlah RM2.39 juta telah dibuat menggunakan wang zakat. Kontrak perolehan tersebut juga telah ditandatangani bersama tiga (3) pembekal yang berbeza mengikut jenis pakaian. Maklumat lanjut mengenai pembelian stok pakaian tersebut adalah seperti dalam **Jadual 14.6**.

JADUAL 14.6
PEMBELIAN PAKAIAN SERAGAM DAN PAKAIAN SUKAN TADIKA ISLAM MAIWP

BIL.	PEMBEKAL	TAHUN PEMBELIAN	JENIS STOK PAKAIAN	KUANTITI YANG DIBELI (UNIT)	KOS (RM)
1.	Pembekal A	2013	Pakaian seragam lelaki	9,857	262,753
			Pakaian seragam perempuan	10,143	310,740
2.	Pembekal B	2014	Pakaian seragam lelaki	15,336	519,124
			Pakaian seragam perempuan	14,625	465,806
3.	Pembekal C	2015	Pakaian sukan lelaki	13,840	411,740
			Pakaian sukan perempuan	13,954	415,132
JUMLAH				77,755	2,385,295

Sumber: *Delivery Order* pembelian dan invoice pembekal berkaitan

4.4.3. Bagaimanapun, sehingga 5 Oktober 2020, **stok pakaian tersebut masih berbaki sebanyak 27,861 unit (RM857,079) iaitu 35.8% yang masih belum terjual**. Pihak Audit dimaklumkan pakaian tersebut dalam proses pelupusan dan akan diangkat untuk kelulusan Mesyuarat MAIWP pada bulan Disember 2020. Jumlah keseluruhan pakaian yang telah dilupuskan secara musnah pada tahun 2018 adalah sebanyak 5,341 unit yang berjumlah RM164,304. **Ini menjadikan jumlah keseluruhan pakaian yang telah dibeli menggunakan wang zakat yang telah/akan dilupuskan berjumlah RM1.02 juta**. Maklumat lanjut mengenai baki stok pakaian tersebut adalah seperti dalam **Jadual 14.7**.

JADUAL 14.7
PEMBELIAN PAKAIAN SERAGAM DAN PAKAIAN SUKAN TADIKA ISLAM MAIWP


BIL.	STOK	JUMLAH YANG DIBELI		JUMLAH JUALAN SETAKAT 5 OKTOBER 2020		JUMLAH PELUPUSAN YANG TELAH DIBUAT PADA TAHUN 2018		BAKI BELUM TERJUAL SETAKAT 5 OKTOBER 2020	
		UNIT	RM	UNIT	RM*	UNIT	RM*	UNIT	RM*
1.	Pakaian seragam	49,961	1,558,423	29,224	920,497	2,990	91,981	17,747	545,945
2.	Pakaian sukan	27,794	826,872	15,329	443,415	2,351	72,323	10,114	311,134
	JUMLAH	77,755	2,385,295	44,553	1,363,912	5,341	164,304	27,861	857,079
JUMLAH KESELURUHAN PELUPUSAN						RM1,021,383			

Sumber: *Delivery Order* pembelian, invoice pembekal

Nota : *Kiraan Audit berdasarkan harga purata kos sehelai bagi semua pembekal mengikut jenis pakaian

4.4.4. Perkara ini berlaku disebabkan pegawai yang membuat perolehan tidak mengambil kira keperluan sebenar dan kebanyakan pakaian tidak terjual kerana saiz pakaian tersebut didapati lebih kecil daripada ukuran normal. Stok pakaian yang tidak terjual telah disimpan dalam tempoh yang lama dan telah rosak adalah seperti dalam **Gambar 14.1** dan **Gambar 14.2**.

GAMBAR 14.1



Bilik Stor Tadika Islam Sumayyah
MAIWP, Cheras
- Keadaan Baju Sukan Tadika
Yang Reput
(30.12.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14.2



Bilik Stor Tadika Islam Sumayyah
MAIWP, Cheras
- Keadaan Baki Baju Sukan Tadika
Yang Tidak Terjual
(30.12.2019)
(Sumber : Jabatan Audit Negara)

Maklum balas MAIWP yang diterima pada 24 September 2020

MAIWP memaklumkan bahawa kertas cadangan telah disediakan untuk Mesyuarat MAIWP pada 11 Oktober 2020 untuk tujuan pelupusan setelah dibentangkan dalam Mesyuarat Pra MAIWP pada 14 September 2020.

Pernyataan Audit	Baki pakaian yang rosak sejumlah RM1.02 juta menggunakan wang zakat merupakan suatu pembaziran serta merugikan MAIWP berikutan ia tidak boleh digunakan lagi dan perlu dilupuskan.
-------------------------	---

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan perbelanjaan menggunakan agihan wang zakat mematuhi garis panduan, adalah disyorkan tindakan penambahbaikan adalah seperti berikut:

5.1. Skim bantuan yang diberikan kepada Asnaf Fisabilillah hendaklah mengikut keutamaan dan takrifan Asnaf Fisabilillah serta diperincikan mengikut jenis perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan wang zakat. Fatwa khusus perlu ditetapkan bagi jenis perbelanjaan dan syarat projek pembangunan yang boleh dibuat menggunakan wang zakat secara *case by case*. Kewajaran dan risiko terutamanya perbelanjaan pembangunan perlu dikaji semula dengan teliti bagi memastikan tiada pembaziran dan sebarang kerugian/pengurangan melibatkan wang zakat.

5.2. Menkuatkuasakan ketetapan dalam SOP seperti pemantauan terhadap status projek/program secara berkala terutamanya kepentingan agensi mengemukakan Laporan Pelaksanaan/Perbelanjaan Program/Aktiviti.

5.3. Mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang tidak mematuhi kehendak dan arahan seperti yang tertakluk kepada peraturan kewangan.